

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

SOALAN NO. 116

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penyelarasan polisi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pelesenan minuman alkohol.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya **mengeluarkan lesen premis perniagaan** di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian selepas permohonan lesen penjualan arak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. **Lesen penjualan arak** adalah di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berdasarkan Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan Akta Eksais 1976 [Akta 176].

Sekian, terima kasih.